

Rundingan 40 minit

Razaleigh kekal Menteri Kewangan

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Rabu — Tengku Razaleigh Hamzah disebut sebagai pasti menyertai Kerajaan dan kekal sebagai Menteri Kewangan dalam Kabinet Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Tengku Razaleigh dikatakan memberitahu secara rasmi keputusannya itu kepada bakal Perdana Menteri pagi ini.

Berita Harian difahamkan, keputusan itu disampaikan oleh Tengku Razaleigh dalam rundingannya dengan Datuk Seri Dr. Mahathir kira-kira 40 minit selepas sidang Kabinet hari ini.

Tengku Razaleigh ketika ditemui selepas pertemuan, enggan membuat sebarang kenyataan.

Sumber-sumber UMNO berkata, keputusan Tengku Razaleigh untuk kekal dalam Kerajaan itu diambil setelah didesak oleh pihak atasan dan para penyokongnya da-

lam parti khususnya di Kelantan.

Difahamkan juga, Datuk Seri Dr. Mahathir menawarkan jawatan tersebut kepada Tengku Razaleigh dalam pertemuan mereka Isnin lepas.

Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri secara terbuka beberapa hari lalu berkata, Tengku Razaleigh akan kekal sebagai Menteri Kewangan, jika beliau memutuskan untuk terus berkhidmat dalam Kerajaan.

Dalam menghadapi pemilihan jawatan Timbalan Presiden UMNO 26 Jun lalu, Tengku Razaleigh menegaskan pendiriannya untuk keluar dari Kerajaan jika tidak terpilih.

Bagaimanapun, setiap pihak sama ada di dalam atau di luar parti merayu beliau terus berkhidmat dalam Kerajaan kerana tenaga dan fikirannya sangat diperlukan.

Sumber-sumber berkata, Tengku Razaleigh Hamzah

begitu keberatan untuk meneruskan khidmatnya dalam Kerajaan, sebaliknya akan terus memberi sumbangan dan khidmat kepada parti dan negara selagi hayat dikandung badan serta selagi tenaga beliau dikehendaki.

Memandangkan rayuan demi rayuan dan desakan demi desakan yang diterimanya dari setiap pihak, kata sumber-sumber itu lagi, Tengku Razaleigh akhirnya dikatakan bersetuju untuk meneruskan khidmat dalam Kerajaan.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika ditemui selepas menghadiri sidang Dewan Tertinggi Barisan Nasional, di Seri Taman petang ini enggan berkata sama ada Tengku Razaleigh menyertai Kerajaan atau tidak.

Katanya, "tunggu sehingga saya mengumumkan penyusunan Kabinet pada 20 Julai ini."